

Headline	FRIM cadang bangunkan `skywalk` di Kinabenuwa		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	11 Apr 2021	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	5	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 568
Frequency	Daily (EM)	PR Value	MYR 1,704



FRIM cadang bangunkan 'skywalk' di Kinabenuwa

Jadi tarikan produk pelancongan baharu di WP Labuan

LABUAN: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bersetuju menawarkan kepakaran teknikal dan khidmat nasihat kepada Perbadanan Labuan (PL) dalam meningkatkan pengurusan landskap dan pokok ameniti di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kata sepakat ini adalah hasil perbincangan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman, dengan Ketua Pengarah FRIM, Dr. Khail Aziz Hamzah, menerusi kunjungan hormat PL ke FRIM pada 2 April 2021.

FRIM juga bersetuju akan membuka pusat penyelidikannya di Labuan yang dijangka akan melebarkan tanggungjawab dan peranan FRIM di kawasan timur Malaysia.

Sehubungan itu, PL dan FRIM bersetuju akan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi merealisasikan hasrat murni ini termasuklah dalam meningkatkan pengurusan dan pembangunan eko pelancongan di kawasan paya bakau Kinabenuwa, Labuan.

Tambah mengujakan ialah cadangan FRIM untuk membangunkan 'skywalk' di Kinabenuwa yang akan menjadi tarikan produk pelancongan yang baharu.

Dr. Fary Akmal juga berharap agar pihak FRIM dapat memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal dalam menambah baik Taman Botani Labuan dari segi pengurusan landskap dan koleksi penanaman.

Taman Botani Labuan

merupakan Taman Botani Tertua di Malaysia yang telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua.

Taman berkeluasan 42 ekar ini pernah menjadi lokasi kediaman rasmi Residen Inggeris semasa era kolonial bermula pada tahun 1852 sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua.

Selain kawasan paya bakau dan Taman Botani, turut disentuh ialah landskap di pantai dan pulau sekitar Labuan.

Turut hadir di dalam perbincangan ini ialah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, Dato' Dr. Othman Che Jusoh, Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM, Dr. Ismail Haji Parian dan beberapa pegawai kanan FRIM.



TERIMA KUNJUNGAN: Ketua Pengarah FRIM, Dr. Khail Aziz Hamzah (tengah) menerima kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman (dua kiri) di FRIM pada 2 April lalu.

Headline	FRIM cadang bangun `skywalk` di Kinabenuwa		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	11 Apr 2021	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	5	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 568
Frequency	Daily (EM)	PR Value	MYR 1,704



LAWATAN KERJA: Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman (tengah) dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, Dato' Dr. Othman Che Jusoh (kanan) mengadakan lawatan kerja ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), baru-baru ini.